

24/05/2002

TPM mahu pasar raya besar pasarkan produk tempatan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan mahu perniagaan peruncitan pasar raya besar (hypermarket) yang kebanyakannya milik syarikat asing, membuka peluang kepada peniaga tempatan dengan membeli serta memasarkan produk keluaran industri kecil dan sederhana (IKS).

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pengusaha pasar raya besar juga perlu membantu peniaga Bumiputera melalui pemberian francais rangkaian kedai runcit supaya kehadiran syarikat gergasi itu tidak menjejaskan perniagaan mereka.

"Kabinet yang membincangkan isu kehadiran pasar raya besar sehingga menjejaskan perniagaan kedai runcit di negara ini berpendapat satu bentuk kerjasama yang menguntungkan kedua-dua pihak perlu diwujudkan bagi faedah bersama,

"Langkah itu bukan saja membantu meningkatkan perniagaan syarikat pasar raya besar malah turut mengatasi masalah saingan harga oleh pekedai runcit," katanya ketika merasmikan 'Showcase IKS 2002' di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Bulan lalu, kerajaan memutuskan untuk mengawal perkembangan perniagaan peruncitan pasar raya besar di negara ini berikutan kesan negatifnya ke atas peniaga kecil tempatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata, kewujudan pasar raya besar seperti Giant, Makro, Carrefour dan Tesco yang menawarkan harga barangan lebih murah boleh mematikan perniagaan tempatan dan kerajaan terpaksa mengawal perkembangannya.

Abdullah berkata, kewujudan francais rangkaian kedai runcit atas jenama pasar raya besar umpamanya boleh membantu pengusaha IKS memasarkan barangan mereka di rangkaian kedai-kedai itu.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan Kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan ditugaskan untuk mencari jalan terbaik dengan mengambil kesempatan kehadiran pasar raya besar bagi membantu kedai-kedai runcit di negara ini.

"Kerajaan berharap pihak pasar raya dan pasar raya besar akan dapat memberi ruang kepada usaha Bumiputera untuk membekalkan produk keluaran tempatan kepada pasar raya itu.

"Jika produk ini belum mencapai pengiktirafan dari segi mutu atau harga, saya berharap syarikat besar ini akan memberi bimbingan sewajarnya, supaya usahawan itu dapat mempertingkatkan produk mereka bagi memenuhi segala permintaan serta cita rasa pelanggan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan menyedari pekedai runcit kecil-kecilan di negara ini amat sukar menyaingi harga yang ditawarkan oleh pasar raya besar tetapi pada masa yang sama kerajaan juga berpendapat harga barangan rendah menguntungkan pengguna di negara ini.

Oleh itu katanya, jalan terbaik bagi mengatasi masalah ini ialah mewujudkan kerjasama antara syarikat pasar raya besar dan pekedai runcit melalui sistem francais bagi faedah kedua-dua, pihak manakala pengguna pula menikmati harga barangan lebih murah.

Abdullah turut meminta usahawan Bumiputera merebut peluang daripada usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia pusat pengeluaran makanan halal dunia dengan mengenal pasti jenis makanan yang dapat diusahakan.

"Pengkaji industri makanan halal tempatan yakin perolehan industri ini pada peringkat global melebihi RM300 bilion setahun dan angka ini dijangka terus meningkat," katanya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, pihaknya berharap dapat mewujudkan persefahaman dengan syarikat pasar raya besar agar mereka membenarkan pembukaan pasar mini atas jenama syarikat itu di seluruh negara.

"Kita akan memujuk syarikat pasar raya besar supaya turut menjual barangan keluaran pengusaha industri kecil dan sederhana Bumiputera atas jenama mereka, contohnya kerepek ubi keluaran usahawan tempatan boleh dipasarkan atas jenama Tesco di rangkaian pasar raya besar Tesco dan Mini Tesco," katanya.

Mohamed Nazri berkata, syarikat pasar raya besar terbabit sudah memberi sambutan yang baik kepada idea itu tetapi ia belum dibincangkan dengan lebih mendalam.

Beliau berkata, syarikat pasar raya besar seperti Tesco, Giant dan Carrefour sudah bersetuju untuk melihat produk keluaran IKS Bumiputera yang di pameran di Showcase Usahawan 2002 selama lima hari itu.

(END)